

**DAP Tangguh AGM Pulau Pinang Untuk Pemilihan Semula CEC  
Bernama  
18 Ogos, 2013**

GEORGE TOWN, 18 Ogos (Bernama) -- DAP Pulau Pinang kemungkinan besar akan menangguhkan mesyuarat agung tahunan (AGM) pada akhir tahun ini untuk memberi laluan kepada pemilihan semula Jawatankuasa Eksekutif Pusat (CEC).

Setiausaha Agung parti, Lim Guan Eng berkata parti perlu menangguhkan AGM Pulau Pinang berikutan pemilihan semula CEC dijangka diadakan awal November.

"Kami akan bincangkan perkara ini pada mesyuarat di Kuala Lumpur Khamis ini tetapi kemungkinan besar kami terpaksa menangguhkan AGM Pulau Pinang," katanya kepada pemberita selepas melancarkan 'Straits Garden Playground-By-The-Sea' di George Town, Ahad.

Beliau berkata pada mesyuarat Khamis ini, anggota parti akan memutuskan tempat bagi pemilihan semula CEC itu.

Khamis lepas, Pengerusi DAP Karpal Singh mengumumkan parti akan mengadakan semula pemilihan CEC untuk mengelakkan pendaftaran parti dibatalkan selepas diarah berbuat demikian oleh Pendaftar Pertubuhan (ROS).

Bagaimanapun, Lim berkata parti bersedia mendakwa ROS di mahkamah sekiranya Perdana Menteri dapat memberi jaminan yang pendaftaran parti itu tidak akan dibatalkan.

Katanya beliau bimbang pendaftaran parti akan dibatalkan jika mencabar arahan ROS untuk DAP mengadakan pemilihan semula CEC.

"Kami tidak mahu ambil sebarang risiko dan berharap Perdana Menteri akan memberi jaminan kepada kami bahawa ROS tidak akan membatalkan pendaftaran parti kami sebelum kami memfailkan tindakan undang-undang terhadap ROS," katanya.

Pada 30 Julai lepas, ROS memutuskan DAP perlu mengadakan pemilihan semula CECnya selepas badan itu tidak berpuas hati dengan penjelasan yang diberikan oleh parti berhubung dakwaan penyelewengan pengundian dan manipulasi undi membabitkan 547 perwakilan pada pemilihan yang diadakan 15 Dis lepas.

DAP pada awalnya membantah arahan ROS itu tetapi kemudiannya memutuskan akan berbuat demikian (mematuhinya).

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=970759>